

PEMEROLEHAN BAHASA KANAK-KANAK: SATU ANALISIS SINTAKSIS

Tay Meng Guat
Jabatan Pengajian Melayu

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian awal untuk melihat pemerolehan bahasa kanak-kanak dari segi sintaksis. Subjek kajian ialah seorang kanak-kanak penutur natif bahasa Iban dari kawasan Bahagian Dua-Betong. Data yang digunakan untuk analisis kajian ialah data autentik yang diperoleh melalui rakaman audio. Data dianalisis berdasarkan tiga ciri utama aspek sintaksis iaitu panjang ayat, struktur sintaksis dan jumlah ujaran setiap giliran bertutur. Pengiraan Min Panjang Ujaran atau Mean Length of Utterance (MLU) mengikut Brown's Stages of Development digunakan untuk menentukan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak berkenaan.

PENGENALAN

Proses pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak merupakan satu perkara yang rencam dan cukup menakjubkan bagi para penyelidik dalam bidang linguistik. Bagaimana manusia memperoleh bahasa merupakan satu isu yang amat mengagumkan dan sukar dibuktikan. Pelbagai teori dari bidang disiplin yang berbeza telah dikemukakan oleh para pengkaji untuk menerangkan bagaimana proses ini berlaku dalam kalangan kanak-kanak. Memang diakui bahawa sama ada disadari ataupun tidak, sistem-sistem linguistik dikuasai dengan pantas oleh individu kanak-kanak walaupun umumnya tiada pengajaran formal. "...learning a first language is something every child does successfully, in a matter of a few years and without the need for formal lessons." (*Language Acquisition: On-line*). Sungguhpun rangsangan bahasa yang diterima oleh kanak-kanak tidak teratur dan terhad, namun mereka berupaya memahami sistem-sistem linguistik bahasa pertama sebelum menjangkau usia lima tahun. Fenomena yang kelihatan menakjubkan ini telah berlaku dan terus berlaku dalam kalangan semua masyarakat dan budaya pada setiap masa.

Mengikut penyelidik secara empirikal, terdapat dua teori utama yang membincangkan bagaimana manusia memperoleh bahasa. Teori pertama mempertahankan bahawa bahasa diperoleh manusia secara alamiah atau dinurankan. Teori ini juga dikenali sebagai Hipotesis Nurani dalam linguistik. Teori yang kedua mempertahankan bahawa bahasa diperoleh manusia secara dipelajari.

Pemerolehan Bahasa

Kajian saintifik dalam bidang pemerolehan bahasa telah dimulakan sejak kurun ke-16 lagi (Zulkifly, 1990:326-331). Kajian ini dimulakan oleh Tiedemann, seorang ahli biologi berbangsa Jerman pada tahun 1787. Charles Darwin, pengasas teori evolusi turut menjalankan kajian dalam bidang pemerolehan bahasa pada tahun 1877. Kajian-kajian yang seterusnya telah dilakukan oleh Preyer pada tahun 1882 dan kajian Sally pada tahun 1885. Selepas kajian-kajian perintis ini terdapat banyak kajian lain lagi yang mengkaji bahan-bahan dan subjek-subjek yang berbeza untuk melihat aspek-aspek yang berkaitan dengan pemerolehan sistem-sistem bahasa. Kajian-kajian terkini meliputi aspek kajian perbandingan pemerolehan bahasa antara bahasa yang berbeza, misalnya perbandingan antara bahasa Inggeris dengan bahasa Itali yang dilakukan oleh Antonella Devescovi dan lain-lain pada tahun 2003 (*A Cross-Linguistic Study of the Relationship between Grammar & Lexical Development: On-line*).

Pemerolehan bahasa merupakan satu proses perkembangan bahasa manusia. Lazimnya pemerolehan bahasa pertama dikaitkan dengan perkembangan bahasa kanak-kanak manakala pemerolehan bahasa kedua bertumpu kepada perkembangan bahasa orang dewasa (*Language Acquisition: On-line*). Perkembangan bahasa kanak-kanak pula bermaksud pemerolehan bahasa ibunda kanak-kanak berkenaan. Namun terdapat juga pandangan lain yang mengatakan bahawa terdapat dua proses yang terlibat dalam pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak iaitu pemerolehan bahasa dan pembelajaran bahasa. Dua faktor utama yang sering dikaitkan dengan pemerolehan bahasa ialah faktor *nurture* dan faktor *nature*. Namun para pengkaji bahasa dan linguistik tidak menolak kepentingan tentang pengaruh faktor-faktor seperti biologi dan persekitaran. Kajian-kajian telah dijalankan untuk melihat sama ada manusia memang sudah dilengkapi dengan alat biologi untuk kebolehan berbahasa seperti yang didakwa oleh ahli linguistik Noam Chomsky dan Lenneberg ataupun kebolehan berbahasa ialah hasil daripada kebolehan kognisi umum dan interaksi manusia dengan persekitarannya.

Mengikut Piaget, semua kanak-kanak sejak lahir telah dilengkapi dengan alat nurani yang berbentuk mekanikal umum untuk semua kebolehan manusia termasuklah kebolehan berbahasa. Alat mekanisme kognitif yang bersifat umum inilah digunakan untuk menguasai segala-galanya termasuklah bahasa. Bagi Chomsky dan Miller pula, alat yang khusus ini dikenali sebagai *Language Acquisition Device* (LAD) yang fungsinya sama seperti yang pernah dikemukakan oleh Lenneberg yang dikenali sebagai "*Innate Propensity for Language*". LAD dikatakan telah dimiliki oleh setiap anak secara semula jadi dan dengan alat nurani ini akan membolehkan kanak-kanak mampu memperoleh bahasa ibundanya dengan mudah dan cepat.

Kajian-kajian terkini oleh Bates, Snow dan Tomasello telah mengemukakan hipotesis bahawa pembelajaran bahasa adalah hasil daripada kebolehan kognisi umum manusia dan interaksinya dengan masyarakat sekitarnya. Salah satu alat

terkini yang digunakan untuk mengkaji pemerolehan bahasa ialah CHILDES (*Child Language Data Exchange System*) oleh Brian MacWhinney dan Catherine Snow (*Language Acquisition: On-line*). Mengikuti Bowen (*Language ages and stages: On-line*) pembelajaran bahasa bermula sejak bayi dilahirkan. Bayi-bayi yang baru lahir sudah mula mengecam bunyi-bunyi yang terdapat di sekitarnya. Mengikuti Brookes (dlm. Abdullah Yusoff dan Che Rabiah Mohamed, 1995:456), kelahiran atau pemerolehan bahasa dalam bentuk yang paling sederhana bagi setiap bayi bermula pada waktu bayi itu berumur lebih kurang 18 bulan dan mencapai bentuk yang hampir sempurna ketika berumur lebih kurang empat tahun.

Bagi Mangantar Simanjuntak (1982) pula, pemerolehan bahasa bermaksud penguasaan bahasa oleh seseorang secara tidak langsung dan dikatakan aktif berlaku dalam kalangan kanak-kanak dalam lingkungan umur 2-6 tahun. Hal ini tidak bermakna orang dewasa tidak memperoleh bahasa tetapi kadarnya tidak sehebat kanak-kanak. Pemerolehan bahasa dikaitkan dengan penguasaan sesuatu bahasa tanpa disedari atau dipelajari secara langsung iaitu tanpa melalui pendidikan secara formal untuk mempelajarinya, sebaliknya memperolehnya dari bahasa yang dituturkan oleh ahli masyarakat di sekitarnya. Beliau seterusnya menegaskan bahawa kajian tentang pemerolehan bahasa sangat penting terutamanya dalam bidang pengajaran bahasa. Pengetahuan yang cukup tentang proses dan hakikat pemerolehan bahasa boleh membantu bahkan menentukan kejayaan dalam bidang pengajaran bahasa.

Pada umumnya, setiap bayi yang normal akan mengalami proses perkembangan bahasa secara berperingkat-peringkat dan bersifat arbitrari. Perkembangan bahasa akan menjadi lebih mantap dan sempurna mengikut perkembangan usia kanak-kanak tersebut. Mengikuti Mangantar Simanjuntak, 1987 (dlm. Tay. 2000:228) peringkat perkembangan bahasa ini boleh dibahagi kepada (a) peringkat mengagah; (b) peringkat holofrasa; (c) peringkat ucapan dua kata; (d) peringkat permulaan tatabahasa; (e) peringkat menjelang tatabahasa dewasa; dan (f) peringkat kecekapan penuh. Seseorang kanak-kanak akan melalui tiga proses pemerolehan bahasa iaitu proses pemerolehan komponen fonologi, sintaksis dan semantik. Ketiga-tiga komponen ini dikatakan berlaku secara serentak.

Mengikuti Menn dan Stoel Gammon (*Babbling: On-line*), dalam perkembangan bahasa, tempuh vokalisasi pralinguistik atau tempuh mengagah boleh dibahagikan kepada lima tahap iaitu tahap tangisan, “*cooing*”, tahap bermain dengan vokal, tahap “*canonical babbling*” (bermula pada umur 6 bulan) dan tahap “*conversational babbling*” yang bermula pada umur lebih kurang 10 bulan. Seterusnya apabila mencapai umur 12-18 bulan, kanak-kanak akan mula menggunakan bunyi atau satu kata untuk merujuk kepada sesuatu yang bermakna, misalnya bunyi “kereta” untuk merujuk kepada benda kereta atau mengujarkan satu kata “kereta” untuk mewakili satu ayat yang mungkin bermakna “Mama, saya nak naik kereta”. Apabila menjangkau umur 18-24 bulan, kanak-kanak sudah dapat menghasilkan kata-kata yang membentuk ayat pendek. Peringkat mengagah yang berlaku dalam tahun pertama kanak-kanak merupakan satu proses yang normal.

Vokalisasi kanak-kanak seterusnya akan berkembang mengikut perkembangan umur kanak-kanak berkenaan.

Dari segi pemerolehan komponen semantik, prosesnya boleh dibahagikan kepada empat peringkat iaitu peringkat penyempitan erti kata, peringkat generalisasi berlebihan, peringkat medan semantik dan peringkat generalisasi. Perkembangan penguasaan sintaksis pula terbahagi kepada tiga peringkat iaitu tahap telegraf, tahap morfem dan tahap transformasi manakala dalam perkembangan fonologi, kanak-kanak melalui peringkat agahan iaitu menghasilkan bunyi secara rambang. Kanak-kanak mula memperoleh fonem-fonem yang kasar dan ketara perbezaan fiturnya, kemudian menuju kepada fonem-fonem yang halus perbezaan fiturnya. Pemerolehan fonologi awal kanak-kanak lebih terpengaruh kepada sebutan ibu bapa atau konsep *motherese*.

Pemerolehan Sintaksis

Secara umumnya, para penyelidik dalam bidang pemerolehan bahasa beranggapan bahawa pemerolehan sintaksis hanya bermula apabila kanak-kanak dapat mengembangkan dua atau lebih kata. Dengan kata lain, peringkat satu kata atau yang sering disebut sebagai peringkat holofrasa tidak dianggap sebagai titik permulaan penguasaan sistem sintaksis. Steinberg membahagikan peringkat perkembangan penguasaan sintaksis kepada tiga tahap iaitu tahap telegraf, morfem dan transformasi. Pada tahap telegraf, kanak-kanak mengucapkan gabungan kata dengan cara amat ringkas kerana berlaku penjimatan kata yang keterlaluan. Pada tahap ini kanak-kanak jarang sekali mengucapkan kata-kata tugas. Ayat dibina dengan kata-kata inti sahaja atau dikenali sebagai ayat minimal. Pada tahap morfem, kanak-kanak mula menggunakan kata-kata dengan lebih rencam daripada tahap telegraf. Roger Brown (*Calculating Percent Accuracy for Grammatical Morphemes in Obligatory Contexts: On-line*) dalam kajiannya tentang bahasa Inggeris telah mengenal pasti 14 morfem dalam proses pemerolehan sintaksis kanak-kanak mengikut urutan tertentu.

Min Panjang Ujaran

Min Panjang Ujaran (MPU) atau *Mean Length of Utterance (MLU)* merupakan satu konsep yang digunakan untuk mengukur produk linguistik yang dihasilkan oleh seseorang kanak-kanak. Secara umumnya, pengiraan MPU dilakukan dengan membahagikan bilangan morfem dengan bilangan ujaran. Lazimnya, jumlah bilangan ujaran yang diperlukan ialah 50 atau 100 ujaran utama kanak-kanak. Semakin tinggi MPU seseorang kanak-kanak maka dijangkakan semakin tinggilah kecekapan berbahasa kanak-kanak tersebut. Kajian yang pernah dilakukan oleh Bishop dan Adams (*Mean-length-of-utterance: On-line*) mendapati bahawa MPU pada umur 4:5 merupakan satu indikator yang baik untuk membuat jangkaan tentang kebolehan membaca kanak-kanak pada umur 8 tahun. Namun, penggunaan konsep MPU sebagai kayu ukur tentang kecekapan bahasa dalam kalangan kanak-kanak masih menjadi isu yang kontraversial. Dapatkah MPU digunakan sebagai alat

diagnostik untuk mengukur kecekapan berbahasa kanak-kanak? Para linguistik yang berminat tentang kajian bahasa kanak-kanak kini telah mengemukakan *PLU (Predominant Length of Utterance)* sebagai salah satu alat untuk mengukur tahap perkembangan sintaksis kanak-kanak (*PLU-Stages: An Independent Measure of Early Syntactic Development: On-line*). Alat ini didakwa dapat melengkap kelemahan yang ada pada *MLU*.

METODOLOGI KAJIAN

Subjek Kajian

Sampel bagi kajian ini terdiri daripada seorang kanak-kanak perempuan Iban yang bertutur dalam bahasa Iban Kawasan Bahagian Dua-Betong. Bahasa tersebut merupakan bahasa ibunda kanak-kanak itu. Kanak-kanak tersebut tinggal bersama-sama dengan keluarga ibu bapanya sendiri serta seorang adik perempuannya yang berumur setahun. Kanak-kanak tersebut dilahirkan pada 24 Disember, 2002. Ini bermakna kanak-kanak berkenaan berumur 3 tahun 5 bulan (3:5) ketika kajian ini dilaksanakan. Nama penuh kanak-kanak tersebut ialah Joyceline Ritha Mastralia.

Pendekatan dan Perkaedahan

Pendekatan interaksi digunakan dalam kajian ini memandangkan subjek kajian yang dipilih selalu berpeluang berinteraksi dengan kedua-dua orang ibu bapa dan adiknya. Bentuk interaksi rakaman ini terdiri daripada interaksi yang tidak dirancang. Sebagai langkah untuk menjamin data rakaman yang lebih autentik, latar yang tidak dirancang digunakan. Rakaman pertuturan Joyceline dilakukan dalam pelbagai situasi dan keadaan dalam lingkungan keluarganya sendiri. Pengalaman Joyceline juga digunakan dan dianggap sebagai alat kajian ini. Transkripsi pertuturan subjek kajian ini dibuat dalam bentuk dan sistem ejaan fonemik. Transkripsi itu juga diberi padanannya dalam bahasa Melayu (rujuk Lampiran A).

Pengumpulan Data

Data kajian dikumpul daripada transkripsi rakaman perbualan kanak-kanak tersebut dengan ibu dan ayahnya. Hanya 50 ujaran kanak-kanak tersebut diambil kira sebagai sampel dalam kajian (rujuk Lampiran B).

Analisis Data

Aspek linguistik yang dianalisis dalam kajian ini ialah sintaksis. Analisis akan dilakukan secara kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kuantitatif melibatkan analisis distribusi dan pengiraan Min Panjang Ujaran atau *Mean Length of Utterance (MLU)* sebagai satu kaedah menentukan perkembangan bahasa kanak-kanak.

Analisis Sintaksis

Ayat-ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak yang menjadi subjek kajian (seterusnya disebut Joy) dianalisis berdasarkan tiga ciri utama sintaksis iaitu:

- (i) panjang ayat,
- (ii) struktur sintaksis, dan
- (iii) jumlah ujaran setiap giliran bertutur

Analisis Berdasarkan Panjang Ayat

Dari data yang diperoleh, didapati bahawa Joy paling kerap mengujarkan ayat dua kata iaitu sebanyak 40% daripada keseluruhan ujarannya, diikuti oleh ujaran ayat eka kata (26%) dan ayat tiga kata dan empat kata masing-masing sebanyak 14% (rujuk Jadual 1 dan Lampiran C).

Bilangan kata setiap ayat	Jumlah	Peratus
1	13	26
2	20	40
3	7	14
4	7	14
5	1	2
6	2	4
	50	100

Jadual 1. Analisis berdasarkan panjang ayat

Ayat eka kata yang dominan diujarkan oleh Joy ialah kata sendi, diikuti oleh kata nama dan kata adjektif (rujuk Jadual 2 dan Lampiran C & E).

Pola eka kata	Ujaran eka kata	Jumlah	Peratus
Kata sendi	auk, bisi, bedau, udah, din, nadai	6	46
Kata nama	\$1.10, inik, sos	3	23
Kata adjektif	nyamai, abis, nemu	3	23
Kata kerja	nulis	1	8
		13	100

Jadual 2. Taburan pola eka kata

Pola ayat dua kata Joy yang paling ketara ialah ujaran jenis frasa nama yang meliputi sebanyak 45%, diikuti oleh frasa kerja (35%) dan frasa sendi (20%) (rujuk Jadual 3 dan Lampiran C & E).

Pola dua kata	Ujaran dua kata	Jumlah	Peratus
Frasa nama	pukul 9, duit aku, warna yellow, lauk chicken, asai sos, cerita golong, kerja opis, kawan Rabiani, cikgu aku	9	45
Frasa kerja	meli gitar, pergi market, meli bilin, ngena topi, ngaga mi, ambi mami, ngena bas	7	35
Frasa sendi	enggau bas, bisi abau, enggau abau, enggau papa	4	20
		20	100

Jadual 3. Taburan pola dua kata

Ujaran-ujaran singkatan atau ayat minimal ini merupakan strategi yang digunakan oleh Joy untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan ayah atau emaknya. Subjek kajian sering menggunakan pengalaman hidupnya untuk memberi nama, menyatakan tujuan dan maksud atau jawapan bagi memenuhi pertanyaan ayah atau emaknya, misalnya,

- (i) P: Joyceline ka pergi market?
J: Auk.
- (ii) P: Meli apa?
J: Meli gitar.
- (iii) M: Sekolah ke nadai?
J: Bisi.
- (iv) M: Udah beli ke bedau jam?
J: Bedau.
- (v) M: Lauk apa?
J: Lauk chicken.

Analisis Berdasarkan Struktur Sintaksis

Analisis struktur sintaksis ujaran Joy dibuat berdasarkan taburan struktur ayat selapis dan ayat kompleks. Daripada 50 ayat yang diujarkan oleh Joy, hanya terdapat dua ayat kompleks. Ayat kompleks tersebut ialah ayat kompleks jenis gabungan yang menggunakan kata hubung “dan” (rujuk Lampiran A).

Analisis struktur ayat selapis ujaran Joy dapat dikelompokkan kepada dua golongan utama iaitu pola ayat dasar yang lengkap dan pola ayat minimal. Pola ayat dasar yang menjadi paksi untuk penganalisan data ujaran subjek kajian ialah pola ayat dasar bahasa Melayu (BM) yang terdiri daripada empat pola dasar iaitu Frasa Nama

+ Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) dan Frasa Nama + Frasa Sendi (FN+FS). Dapatan analisis ayat ujaran Joy menunjukkan bahawa subjek kajian lebih cenderung mengujarkannya pola ayat minimal iaitu sebanyak 38 ayat (Jadual 4 dan Lampiran E) berbanding hanya 12 ayat yang terdiri daripada pola ayat dasar BM yang lengkap (Jadual 5 dan Lampiran D).

Pola ayat minimal	Jumlah
FN	12
FK	10
FA	3
FS	9
Penafian	1
Setuju	1
Penegasan	1
Penyoalan	1
Jumlah	38 (76%)

Jadual 4. Taburan pola ayat minimal

Pola ayat dasar	Jumlah
FN + FS	7
FN + FK	4
FN + FN	1
FN + FA	0
Jumlah	12 (24%)

Jadual 5. Taburan pola ayat dasar

Taburan Jadual 5 menunjukkan bahawa pola ayat dasar yang paling kerap digunakan oleh Joy ialah pola FN+FS. Fenomena ini dipengaruhi oleh subjek kajian yang begitu sering menggunakan kata bantu tugas atau ragam. Ujaran ayat minimal yang kerap dilakukan oleh Joy memang selaras dengan konsep bahawa kanak-kanak masih kurang mampu menggunakan ayat yang panjang ataupun ayat yang lengkap. Data dalam Jadual 4 membuktikan kenyataan tersebut. Hal ini memang berlaku dalam komunikasi lisan sekalipun dalam kalangan orang dewasa akibat wujudnya unsur pelenyapan dan penyingkatan. Penggunaan kata nama dan kata kerja yang dominan menunjukkan kanak-kanak lebih mudah menguasai kata nama dan kata kerja. Kanak-kanak perlu menguasai kata kerja agar dapat menyampaikan maklumat dan hasratnya dalam kehidupan. Pendedahan kanak-kanak kepada benda dalam alam sekitarnya pula menyebabkan kanak-kanak lebih cepat menguasai kata nama terutamanya nama benda dan nama orang. Memang diakui bahawa pendedahan merupakan salah satu syarat yang sangat penting dalam dunia perkembangan bahasa kanak-kanak.

Analisis Berdasarkan Jumlah Ujaran Setiap Giliran Bertutur

Pengambilgiliran (*turn taking*) merupakan satu strategi yang penting dalam sesuatu komunikasi khususnya dalam komunikasi dua hala. Dengan adanya strategi ini, sesuatu perbualan dapat berjalan dengan lancar dan teratur menurut prinsip-prinsip komunikasi. Dalam kajian ini, didapati bahawa ujaran setiap giliran untuk subjek kajian, Joy dengan orang dewasa, iaitu ayah dan emaknya adalah hampir sekata. Hal ini mungkin disebabkan rakaman yang dilakukan itu lebih merupakan perbualan yang berupa soal jawab antara Joy dengan ayah dan emaknya (rujuk Lampiran A). Oleh itu, dalam perbualan tersebut, Joy hanya berperanan untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh kedua-dua orang dewasa tadi.

Pengiraan MLU

MLU (*Mean Length of Utterance*) atau Min Panjang Ujaran merupakan satu jenis indeks untuk mengira perkembangan atau penguasaan bahasa kanak-kanak secara umum. MLU digunakan sebagai kayu pengukur produktiviti linguistik seseorang kanak-kanak. Kesahihannya amat bergantung kepada data yang dapat dikumpul oleh seseorang pengkaji. MLU yang diperoleh oleh seseorang kanak-kanak akan dirujuk kepada Jadual *Acquisition of Sentence Forms Within Brown's Stages of Development* untuk menentukan peringkat pemerolehan atau perkembangan sintaksis kanak-kanak berkenaan. Cara pengiraan MLU adalah dengan membahagikan jumlah morfem dengan jumlah ujaran.

$$\text{MLU} = \frac{\text{Jumlah morfem}}{\text{Jumlah ujaran}}$$

Berdasarkan 50 ayat yang diujarkan Joy, jumlah morfemnya ialah 119. Oleh itu, MLU Joy ialah 2.38 (rujuk Lampiran F). Ini bermakna Joy termasuk dalam Peringkat Akhir II dalam *Brown's Stages of Development* dan akan beralih ke Fasa Awal III apabila mencapai MLU 2.5. Berdasarkan Jadual *Brown's Stages of Development* dapatan MLU 2.38 adalah selaras dengan kanak-kanak yang berada dalam jangkaan umur kronologi 30 bulan atau dalam lingkungan umur 24:7-35:5.bulan. Ini bermakna Joy masih belum mencapai tahap yang dijangkakan berdasarkan umur kronologinya, 3:5 yang seharusnya mencapai MLU 3.8. Walau bagaimanapun, pengiraan MLU bukanlah penentu mutlak untuk mengukur perkembangan bahasa seseorang kanak-kanak.

KESIMPULAN

Beberapa kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan dapatan analisis terhadap ujaran kanak-kanak Joy yang berusia 3:5 ialah:

- (i) Analisis ujaran menunjukkan Joy mempunyai MLU 2.38 iaitu satu tahap yang di bawah jangkaan umur kronologinya dalam perkembangan penguasaan bahasa kanak-kanak mengikut *Brown's Stages of Development*.

- (ii) Subjek kajian kanak-kanak Joy menggunakan pelbagai ayat yang berubah-ubah mengikut situasi dan bergantung kepada fungsi yang hendak disampaikan. Penggunaan pelbagai ayat ini memang sesuai dengan fungsi bahasa sebagai alat komunikasi untuk pelbagai tujuan.
- (iii) Penguasaan bahasa Joy berada pada Fasa Akhir II dan mula beralih ke Fasa Awal III. Ujaran Joy masih terikat dengan bahasa holofrasa dan telegrafik.
- (iv) Ayat-ayat Joy dapat dianalisis dengan menggunakan ciri-ciri pola ayat orang dewasa yang menuturkan BM.
- (v) Dari segi searannya, Joy amat kerap menggunakan ayat eka kata dan dua kata.
- (vi) Frasa nama merupakan ayat minimal yang paling kerap digunakan oleh Joy.
- (vii) Dari segi pengambilgiliran, Joy hanya berperanan untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan dalam perbualan tersebut.

Nota. Penghargaan khas dituju kepada Riah Ak Akai atas bantuan beliau menyediakan rakaman

BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Sharif (1991). Pemerolehan Bahasa Ibunda - Umum. *Jurnal Bahasa Moden*, 6. 152-160.
- Abdul Rashid Ali (1992). Penguasaan Bahasa Kanak-kanak: Satu Pemerhatian Kes Awal. *Jurnal Dewan Bahasa*, Oktober. 942-968.
- Abdullah Yusoff dan Che Rabiah Mohamed (1995). Teori Pemelajaran Sosial dan Pemerolehan Bahasa Pertama. *Jurnal Dewan Bahasa*, Mei. 456-464.
- Antonella Devescovi, Maria Cristina Caselli, Daniela Marchione, Judy Reilly, & Elizabeth Bates. (2003). A Cross-Linguistic Study of the Relationship between Grammar & Lexical Development. *Project in Cognitive and Neural Development*, Center for Research in Language, University of California, San Diego.
- Babbling*. (On-line). Available: <http://en.wikipedia.org/wiki/Babbling>
- Calculating Percent Accuracy for Grammatical Morphemes in Obligatory Contexts*. (On-line). Available: <http://www.clas.ufl.edu/users/bwjohn/4004/GrammaticalMorphemeAccuracy2.html>
- CHILDES – Child Language Data Exchange System*. (On-line). Available: <http://childes.psy.cmu.edu/>
- Halijah Abd. Hamid (1996). Bagaimana Manusia Memperoleh Bahasa? *Pelita Bahasa*, Jun. 37-38.

- Leonard, L. B. & Finneran, D. (2003). Grammatical Morpheme Effects on MLU: "The Same Can Be Less" Revisited. *Journal of Speech, Language, and Hearing Research*, Vol. 23. August. 878-888.
- Ingram, D. (1989). *First language Acquisition*. Cambridge University Press. *Language ages and stages* (On-line). Available: <http://members.tripod.com/Caroline-Bowen/devel2.htm>
- Language Acquisition*. (On-line). Available: <http://earthrenewal.org/secondlanguage.htm>
- Language Acquisition*. (On-line). Available: <http://www.ecs.soton.ac.uk/~harnad/Papers/Py104/pinker.langacq.html>
- Language acquisition*. (On-line). Available: <http://en.wikipedia.org/wiki/Language-acquisition>
- Mangantar Simanjuntak (1982). Pemerolehan Bahasa Melayu: Bahagian Fonologi. *Jurnal Dewan Bahasa*, Ogos/September, 615-625.
- Mangantar Simanjuntak (1990). Pertumbuhan dan Perkembangan Bahasa Kanak-kanak. *Jurnal Dewan Bahasa*, September. 692-704.
- Marzukhi Nyak Abdullah (1993). Teori-teori Pemerolehan Bahasa. *Dewan Bahasa*, September. 6.839-846.
- Mean length of utterance*. (on-line). Available: <http://en.wikipedia.org/wiki/Mean-length-of-utterance>
- Mean Length of Utterance (MLU)*. (On-line). Available: <http://www.clas.ufl.edu/users/bwjohn/4004/Materials/MLU.htm>
- Middle Stage Assessment/Intervention*. (On-line). Available: <http://www.ux/eiu.edu/~cflkc/cds3200/Notes/midstasses.html>
- Morphemes are used to analyze the development of language via the Mean Length of Utterance (MLU)*. (On-line). Available: <http://www.csun.edu/~vcoaoOel/de361s61-folder.100/tsld015.htm>
- PLU-Stages: An Independent Measure of Early Syntactic Development*. (on-line). Available: <http://www.cogsci.jhu.edu/TechReports>
- Second language acquisition*. (On-line). Available: http://en.wikipedia.org/wiki/Second_language-acquisition
- Tay, M. G. (2000). Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak dari segi Sintaksis: Satu Analisis. *Jurnal Dewan Bahasa*, Februari, 228-241.
- Zulkifley bin Hamid (1990). Penguasaan Bahasa: Huraian Paradigma Mentalis dan Behaviouris. *Jurnal Dewan Bahasa*. Mei. 326-331.

LAMPIRAN A

**TRANSKRIPSI RAKAMAN PERTUTURAN BEBAS ANTARA SUBJEK
KAJIAN DENGAN IBU DAN AYAHNYA**

P: Papa; J: Joyceline; M: Mummy

P: Sapa nama ?

Siapa nama?

J: Joyceline.

Joyceline.

P: Sebut penuh.

Sebut penuh.

J: Joyceline Ritha Mastralia.

Joyceline Ritha Mastralia.

P: Dini Joyceline sekolah?

Di mana Joyceline sekolah?

J: Ba UNIMAS.

Di UNIMAS.

P: Sapa nama cikgu?

Siapa nama Cikgu?

J: Cikgu Yati enggau Cikgu Adilah.

Cikgu Yati dan Cikgu Adilah.

P: Sapa nama kawan?

Siapa nama kawan?

J: Nadai nemu.

Tidak tahu.

P: Nuan nadai nanya kah?

Kamu tidak tanyakah?

J: Nadai.

Tidak.

P: Apa belajar nuan ba sekolah?

Apa kamu belajar di sekolah?

J: ABC.

ABC.

P: Bisi belajar One, two, three? One...

Ada belajar One, two, three? One...

J: (tidak menjawab soalan)

P: Joyceline ka pergi market?

Joyceline nak ke kedai?

J: Auk.

Ya.

P: Meli apa?

Beli apa?

J: Meli gitar.

Beli gitar.

P: Nadai meli sweet?

Tidak beli gula-gula?

J: Madang bisi gitar.

Madang ada gitar.

M: Pukul berapa Joy dani pagi tadi?

Pukul berapa Joy bangun pagi tadi?

J: Pukul 9.

Pukul 9.

M: Sekolah ke nadai?

Sekolah ke tidak?

J: Bisi.

Ada.

M: Sapa nganjung?

Siapa hantar?

J: Cikgu nganjung. Enggau bas. Bisi abau.

Cikgu hantar. Guna bas. Ada hantu.

M: Bisi abau?

Ada hantu?

J: Ya.

Ya.

M: Bas nganjung kini.

Bas hantar ke mana?

J: Enggau abau.

Dengan hantu.

K: Bas pergi kini.

Bas pergi ke mana?

J: Pergi market.

Pergi kedai.

M: Pergi market. Beli apa?

Pergi kedai? Beli apa?

J: Meli bilun.

Meli beton.

M: Meli apa agi?

Beli apa lagi?

J: Meli gitar, meli jam.

Beli gitar, beli jam.

M: Berapa rega jam?

Berapa harga jam?

J: \$1.10

\$1.10

M: Dini bulih duit?

Mana dapat duit?

J: Duit aku. Beli apa gi mi?

Duit saya. Beli apa lagi mummy?

M: Udah beli ke bedau jam?

Sudah dibeli ke belum jam?

J: Bedau.

Belum.

M: Nemu Joy macha jam?

Pandai Joy baca jam?

J: Jam bisi api. Jam Robiani bisi api.

Jam ada api. Jam Robiani ada api.

M: Siapa Robiani. Kawan dik kah ?

Siapa Robiani? Kawan kamukah?

J: Ya. Kawan aku Robiani. Jam Robiani nadai bisi api.

Ya. Kawan saya Robiani. Robiani tidak ada api.

M: Sapa agi nama kawan nuan?

Siapa lagi nama kawan kamu?

J: Kawan aku bisi topi, Ia tutup muka.

Kawan saya ada topi. Dia tutup muka.

M: Tutup muka?

Tutup muka?

J: Ngena topi.

Guna topi.

M: Warna apa topi ?

Warna apa topi?

J: Warna yellow

Warna kuning

M: Joy udah nemu nulis ke bedau?

Joy sudah pandai menulis ke belum?

J: Haa...

Haa...

M: Joy deka tindok kah? Good night Joyceline. Joyceline udah makai ke bedau?

Joy hendak tidurkah? Selamat malam Joyceline. Joyceline sudah makan ke belum?

J: Udah.

Sudah.

M: Lauk apa?

Lauk apa?

J: Lauk chicken.

Lauk chicken.

M: Chicken enggau apa?

Chicken dan apa?

J: Chicken enggau manok.

Chicken dan ayam.

M: Sapa masak chicken?

Siapa masak chicken?

J: Inik.

Nenek.

M: Nama dikena nyampur chicken?

Apa yang digunakan untuk campur ayam?

J: Sos.

Sos.

M: Nyamai ke nadai?

Sedap ke tidak?

J: Nyamai.

Sedap.

M: Asai apa?

Rasa apa?

J: Asai sos.

Rasa sos.

M: Adik udah mamam ke bedau?

Adik sudah makan ke belum?

J: Adik udah mamam.

Adik sudah makan.

M: Adik mamam apa?

Adik makan apa?

J: Adik mamam asik campur enggau jani.

Adik makan nasi campur babi.

M: Abis ke nadai asik pakai adik ?

Habis ke tidak nasi dimakan adik?

J: Abis.

Habis.

M: Udah makai mesti ngirup ai.

Lepas makan mesti minum air.

J: Udah makai ngirup ai.

Lepas makan minum air.

M: Abis ai?

Habis air?

J: Abis.

Habis.

M: Makai pukul berapa?

Makan pukul berapa?

J: Pukul 9.

Pukul 9.

M: Udah makai nama gaga Joy?

Lepas makan apa Joy buat?

J: Ngaga mi.

Buat mi.

M: Bisi ngaga homework ke nadai?

Ada buat kerja rumah ke tidak?

J: Bisi.

Ada.

M: Nulis?

Menulis?

J: nulis.

Menulis.

M: apa agi?

Apa lagi?

J: (...ketawa)

M: Bisi meda tv?

Ada tengok tv?

J: Bisi.

Ada.

M: Cerita apa?

Cerita apa?

J: Cerita..cerita..cerita golong.

Cerita..cerita..cerita golong.

M: Bakani cerita golong? Golong tangan?

Macam mana cerita golong? Golong tangan?

J: Ya.

Ya.

M: Sapa enggau Joy meda tv?

Siapa dengan Joy tengok tv?

J: Enggau papa.

Dengan papa.

M: Lepas meda tv tindok?

Lepas tengok tv tidur?

J: Lepas meda tv tindok!

Lepas tengok tv tidur!

M: Mami pergi kini?

Emak pergi ke mana?

J: Mami pergi kerja.

Emak pergi kerja.

M: Kerja dini ?

Kerja di mana?

J: Kerja opis.

Kerja di pejabat.

M: Dini alai opis mami?

Di mana opis emak?

J: Din.

Di sana

M: Joy nyabak ke nadai mami pergi kerja?

Joy menangis ke tidak bila emak pergi kerja?

J: Nadai.

Tidak.

M: Enti mami pulai kerja, joy nyuruh mamai meli apa?

Bila emak balik, Joy minta emak beli apa?

J: Meli bilun.

Beli belon.

M: Meli apa agi?

Beli apa lagi?

J: Meli gitar.

Beli gitar.

M: Nemu main gitar ke nadai?

Pandai main gitar ke tidak?

J: Nemu.

Pandai.

M: Main gitar enggau sapa?

Main gitar dengan siapa?

J: Main gitar enggau Wan.

Main gitar dengan Wan.

M: Sapa nama kawan kakak di sekolah?

Siapa nama kawan kakak di sekolah?

J: Kawan Robiani.

Kawan Robiani.

M: Siapa agi?

Siapa lagi?

J: Cikgu aku, cikgu Yati, cikgu Adilah.

Cikgu saya, cikgu Yati, cikgu Adilah.

M: Abis sekolah tengah hari, sapa ngambi Joy pulai ke rumah?

Habis sekolah tengah hari, siapa jemput Joy balik ke rumah?

J: Ambi mami.

Jemput emak.

M: Ngena apa mami ngambi?

Guna apa emak jemput?

J: Ngena bas.

Guna bas.

M: Nadai ngena kereta?

Tidak guna kereta?

J: Ngena kereta sama kitai.

Naik kereta bersama kita.

M: Siapa driving?

Siapa memandu?

J: Orang...orang cepek.

Orang...orang cepek.

LAMPIRAN B

DATA UTAMA (50 UJARAN)

1. Auk.
2. Meli gitar.
3. Madang bisi gitar.
4. Pukul 9.

5. Bisi.
6. Cikgu nganjung.
7. Enggau bas.
8. Bisi abau.
9. Enggau abau.
10. Pergi market.
11. Meli bilun.
12. Meli gitar, meli jam.
13. \$1.10
14. Duit aku.
15. Meli apa gi mi?
16. Bedau.
17. Jam bisi api.
18. Jam Robiani bisi api.
19. Kawan aku Robiani.
20. Jam Robiani nadai bisi api.
21. Kawan aku bisi topi.
22. Ia tutup muka.
23. Ngena topi.
24. Warna yellow.
25. Uдах.
26. Lauk chicken.
27. Chicken enggau manok.
28. Inik.
29. Sos.
30. Nyamai.
31. Asai sos.
32. Adik udah mamam.
33. Adik mamam asik campur enggau jani.
34. Abis.
35. Uдах makai ngiurp ai.
36. Ngaga mi.
37. Nulis.
38. Cerita golong.
39. Enggau papa.
40. Lepas meda tv tindok.
41. Mami pergi kerja.
42. Kerja opis.
43. Din.
44. Nadai.
45. Nemu.
46. Main gitar enggau Wan.
47. Kawan Robiani.
48. Cikgu aku, cikgu Yati, cikgu Adilah.
49. Ambi mami.
50. Ngena bas.

LAMPIRAN C

Bilangan Kata Setiap Ayat**Satu Kata**

1. auk
2. bisi
3. \$1.10
4. bedau
5. udah
6. inik
7. sos
8. nyamai
9. abis
10. nulis
11. din
12. nadai
13. nemu

Dua Kata

1. meli gitar
2. pukul 9
3. cikgu nganjung
4. enggau bas
5. bisi abau
6. enggau abau
7. pergi market
8. meli bilun
9. duit aku
10. ngena topi
11. warna yellow
12. lauk chicken
13. asai sos
14. ngaga mi
15. cerita golong
16. enggau papa
17. kerja opis
18. kawan Robiani
19. ambi mami
20. ngena bas

Tiga kata

1. Madang bisi gitar
2. jam bisi api
3. kawan aku Robiani

4. ia tutup muka
5. chicken enggau manok
6. adik udah mamam
7. mami pergi kerja

Empat Kata

1. meli gitar, meli jam
2. meli apa agi mi
3. jam Robiani bisi api
4. kawan aku bisi topi
5. udah makai ngirup ai
6. lepas meda tv tindok
7. main gitar enggau Wan

Lima Kata

1. jam Robiani nadai bisi api

Enam Kata

1. adik mamam asik campur enggau jani
2. cikgu aku, cikgu Yati, cikgu Adilah

LAMPIRAN D

Pola Ayat Dasar

FN + FN

1. Kawan aku Robiani

FN + FK

1. Cikgu nganjung
2. Ia tutup muka
3. Mami pergi kerja
4. Adik mamam asik campur enggau jani

FN + FS

1. Madang bisi gitar
2. Jam bisi api
3. Chicken enggau manok
4. Adik udah mamam
5. Jam Robiani bisi api
6. Kawan aku bisi topi
7. Jam Robiani nadai bisi api

FN = Fraas Nama

FK = Frasa Kerja

FS = Frasa Sendi

LAMPIRAN E

Pola Ayat Minimal

Frasa Nama

1. \$1.10
2. inik
3. sos
4. pukul 9
5. duit aku
6. warna yellow
7. lauk chicken
8. asai sos
9. cerita golong
10. kerja opis
11. kawan Robiani
12. cikgu aku, cikgu Yati, cikgu Adilah

Frasa Kerja

1. nulis
2. meli gitar
3. pergi market
4. meli bilun
5. ngena topi
6. ngaga mi
7. ambi mami
8. ngena bas
9. main gitar enggau Wan
10. meli gitar, meli jam

Frasa Adjektif

1. nyamai
2. abis
3. nemu

Frasa Sendi

1. din
2. enggau bas
3. bisi abau
4. enggau abau
5. enggau papa
6. udah makai ngirup ai
7. bisi
8. bedau

9. udah

Penafian

1. nadai

Setuju

1. auk

Penegasan

1. lepas meda tv tindok

Penyoalan

1. meli apa gi mi?

LAMPIRAN F

JADUAL ANALISIS MLU

Pola Ayat	Jumlah	Jumlah Morfem	MLU
1 kata	13	13	2.38
2 kata	20	40	
3 kata	7	21	
4 kata	7	28	
5 kata	1	5	
6 kata	2	12	
	50	119	